

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
KERANA MENERANGKAN ANGGARAN
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR
BAGI TAHUN 1967 DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**Kepala 126 - Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar -
\$80,172,280**

Tuan Pengerusi,

Saya meminta kebenaran mengemukakan Kepala Perbelanjaan 126 bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Dalam tahun 1967 Kementerian saya memerlukan sejumlah \$80,172,280.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tugas besar Kementerian saya adalah menyama dan menjalankan tindakan-tindakan dan usaha-usaha pembangunan negara dan luar bandar, terutama sekali untuk memperbaiki dan meninggikan taraf hidup rakyat-rakyat di luar bandar supaya tindakan-tindakan dan usaha-usaha itu dapat disalurkan dengan pesatnya.

Dalam tahun 1967 Kementerian saya akan membelanjakan peruntukan yang diminta ini bagi meneruskan kerja-kerja pembukaan tanah dan lain-lain rancangan pembangunan luar bandar yang akan menjamin taraf hidup yang lebih tinggi dan sempurna lagi kepada penduduk-penduduk luar bandar itu. Sejumlah besar daripada peruntukan ini akan juga dibelanjakan kerana rancangan-rancangan dan projek-projek yang akan menolong memberi peluang kepada Bumiputera untuk mengambil bahagian yang lebih cergas dan berkesandi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan di dalam negeri ini.

**Kepala Kecil (1) - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) -
\$52,000,000**

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala Kecil (1) Anggaran Perbelanjaan ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan memerlukan sejumlah \$52,000,000 dan daripada jumlah ini \$42,000,000 akan digunakan untuk rancangan-rancangan pembangunannya manakala \$10,000,000 lagi ialah untuk perbelanjaan pentadbiran lembaga itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan adalah satu badan yang ditugaskan bagi melaksanakan dasar dan hasrat Kerajaan untuk memberikan rakyat di kawasan-kawasan luar bandar yang tiada mempunyai tanah kebun-kebun yang boleh mengeluarkan hasil-hasil yang

cukup untuk keperluan-keperluan hidup mereka. Rancangan-rancangan lembaga ini juga ada menyediakan segala kemudahan-kemudahan bagi masyarakat peserta-pesertanya seperti sekolah, klinik, bekalan air dan lain-lain. Selain daripada itu ia juga menjalankan pengurusan dan kawalan yang cukup, memberi latihan dan perkhidmatan lanjutan serta menyediakan cara-cara pengusahaan dan pemasaran yang terkawal, dengan tujuan supaya peserta-peserta rancangan ini kelak akan menjadi petani-petani yang bijak, progresif dan makmur di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, peruntukan \$42,000,000 yang akan dimasukkan di bawah Kira-kira Pinjaman Lembaga ini akan digunakan kerana usaha-usaha pembangunan dan pertanian-pertaniannya dalam tahun 1967 termasuklah perkara-perkara:-

- (i) Perbelanjaan kerana meneruskan kerja-kerja mengusahakan serta menjaga kawasan-kawasan sejumlah 160,000 ekar yang telah ditanam dan sedang berjalan di dalam beberapa peringkat itu;
- (ii) Membuka kawasan-kawasan tambahan kepada rancangan-rancangan yang ada dan juga membuka rancangan-rancangan baru dengan menebang hutan serta menanam sejumlah 27,000 ekar iaitu 9,000 ekar getah dan 18,000 ekar kelapa sawit;
- (iii) Perbelanjaan kerana membina peringkat pertama bagi 4 buah kilang-kilang minyak kelapa sawit dan 2 buah kilang getah;
dan
- (iv) Perbelanjaan untuk membina 4,100 buah rumah-rumah peserta di dalam beberapa rancangan yang ada.

Peruntukan \$10,000,000 yang diperlukan oleh Lembaga ini kerana perbelanjaan pentadbirannya pula akan digunakan kerana:-

- (i) Perbelanjaan bagi Ibu Pejabat dan 8 buah lagi pejabat-pejabat cawangannya yang bertempat di dalam beberapa buah negeri di seluruh Malaysia; dan
- (ii) Untuk membiayai sejumlah perbelanjaan rancangan-rancangan yang tidak akan dibayar kembali oleh peserta-peserta seperti belanja-belanja pengurusan, bagi pejabat-pejabatnya dan juga rumah-rumah pegawai dan kakitangan rancangan-rancangan tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai usaha-usaha Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini, suka saya menyatakan iaitu untuk menepati dasar Kerajaan mengenai memperluaskan bidang tanaman pertanian (Agricultural Diversification), maka Lembaga ini adalah memberi keutamaan kepada tanaman kelapa sawit daripada getah di dalam rancangan-rancangannya. Perkara ini dapat dibuktikan daripada rancangan-rancangan Lembaga ini yang dibuka semenjak tahun 1961 itu adalah ditaksirkan juga iaitu hingga akhir tahun 1970 nanti, manakala tamatnya Rancangan Malaysia Yang Pertama, seluas 129,000 ekar

daripada jumlah 274,000 ekar yang diusahakan oleh Lembaga ini akan ditanam dengan kepala sawit.

Di dalam ucapan saya di waktu membentang Anggaran Pembangunan Kementerian saya bagi tahun 1966, saya telah menyatakan bahawa Kerajaan akan membuka satu rancangan tanah yang besar di kawasan Jengka. Saya juga menyatakan satu *Master Plan* bagi Rancangan Kawasan Jengka akan dapat disiapkan pada penghujung tahun 1966. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa *Consultant* yang menyediakan *Master Plan* itu telahpun menyiapkan laporan-laporan dan pengajian-pengajian di atas kawasan Jengka itu. Kerajaan sekarang adalah sedang mengkaji dan meneliti kajian-kajian itu dan Bank Dunia akan menghantar satu pakar penilaian dalam bulan Mach.

Sukacita saya mengambil peluang ini bagi menyatakan terima kasih Kerajaan kepada Bank Dunia di atas kemurahannya bagi membiayai pengajian dan penilaian kawasan Jengka yang bukan sahaja akan membuka peluang-peluang besar tetapi juga akan memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara ini. Mengikut kajian yang ada pada Kerajaan hari ini, tidak kurang daripada 100,000 ekar tanah dalam kawasan Jengka itu boleh dibuka bagi menanam kelapa sawit dan getah, dan tidak kurang 190,000 ekar tanah hutan yang mengandungi 3.05 juta padu kayu boleh digunakan sebagai kawasan perindustrian hutan.

Kementerian saya melalui M A R A adalah sedang menyusun satu Rancangan Perindustrian Hutan yang lengkap di dalam kawasan Jengka itu. Berhubung dengan perkara ini, sukacita saya menegaskan di sini bahawa M A R A telahpun membentuk satu Syarikat Kebangsaan Kayu Kayan dalam bulan September 1966, iaitu satu syarikat yang terus menerus mengusahakan perusahaan hutan yang saya sebutkan itu. Pembentukan Syarikat Kebangsaan Kayu Kayan ini ialah merupakan satu daripada tindakan yang besar maknanya dalam usaha melaksanakan usul-usul Kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan dalam bulan Jun, 1965.

Seterusnya, pembentukan Syarikat Kebangsaan Kayu Kayan ini adalah juga ditujukan bagi memberi peluang syarikat-syarikat kayu kayan kecil bumiputera yang sedang menguruskan perniagaan dalam bidang perusahaan kayu kayan dengan persendirian, bergabung ataupun bercantum dengannya bagi memperkuat lagi perusahaan mereka. Saya berharap syarikat-syarikat kayu kayan kecil bumiputera yang ada sekarang ini akan dapat bekerjasama dengan Syarikat Kebangsaan Kayu Kayan yang telah ditubuhkan itu.

Tuan Pengerusi, dengan terlaksananya rancangan-rancangan tanah secara yang saya sebutkan tadi, saya mempunyai penuh keyakinan bahawa penduduk-penduduk di kawasan luar bandar akan dapat peluang-peluang yang luas bagi memperbaiki taraf hidup mereka tetapi juga akan dapat membolehkan mereka mengambil tempat yang sempurna di dalam masyarakat suatu negara yang sedang meningkat kemajuan.

Kepala Kecil (2) M A R A - \$20,000,000

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih pula kepada Kepala Kecil (2) dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ini bagi tahun 1967. Majlis Amanah Rakyat memerlukan peruntukan sebanyak \$20,000,000/- dan daripada peruntukan ini sebanyak \$14,500,000/- akan digunakan untuk menjayakan segala rancangan-rancangan yang telah diatur bagi dilaksanakan dalam tahun 1967. Manakala \$5,500,000/- lagi akan digunakan bagi menyelenggarakan pentadbiran Majlis tersebut iaitu termasuklah pembayaran gaji bagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya, lain-lain perbelanjaan berulang tiap-tiap tahun dan juga perbelanjaan khas bagi tahun 1967.

Tuan Pengerusi, di antara rancangan-rancangan M A R A yang akan dilaksanakan dalam tahun ini, termasuklah usaha-usaha bagi membesarkan lagi rancangan-rancangannya dalam bidang perusahaan dan perdagangan, latihan dan biasiswa, kenderaan, perkhidmatan penasihat pinjaman dan juga limbungan. Semua rancangan-rancangan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan dasar dan hasrat kerajaan untuk menolong menggalakkan serta memberi segala kemudahan-kemudahan yang perlu bagi bumiputera mengambil bahagian yang lebih cergas dan berkesan di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan dalam negeri kita ini. Dalam masa lebih kurang satu tahun yang lalu juga segala usaha-usaha senantiasa dijalankan kerana menyusun dan memperkemaskan lagi jentera pentadbiran MARA dengan tujuan supaya Majlis ini dapat menjalankan tugas-tugas yang diberi kepadanya itu dilaksanakan dengan mendapat kehasilan dan kejayaan yang diharapkan. Sukacitalah saya memberitahu Dewan ini hasil daripada usaha-usaha ini, bolehlah dikatakan jentera M A R A sekarang telah mula berjalan dengan licin dan dengan itu juga saya menaruh penuh keyakinan bahawa Majlis ini akan dapat melaksanakan segala rancangan-rancangannya dalam tahun 1967 ini dengan penuh kejayaan.

Tuan Pengerusi, dalam bidang perusahaan dan perniagaan dalam tahun 1967 MARA akan menguruskan:-

(i) Rumah-rumah kedai untuk Bumiputera berniaga

Dalam tahun 1966 sahaja M A R A telah membina kedai-kedai di negeri Perlis, di Kuala Lumpur dan di Seremban; manakala dalam tahun ini pula, kedai-kedai ini akan dibina di Kuala Kangsar, Teluk Anson, Kuala Terengganu, Labuan, Johor Bahru, Kluang dan Klang.

(ii) Pusat Kemajuan Tangan

Bagi hendak membantu Bumiputera di dalam beberapa perusahaan pertukangan tangan pula, M A R A telah menubuhkan satu pusat Kemajuan Pertukangan Tangan di Petaling Jaya. Dalam tahun 1967 pusat ini akan dibesarkan lagi supaya usaha-usaha yang lebih luas dapat dijalankan terutama dalam bidang penyiasatan dan penyelidikan teknik-teknik membuat batik dan lain-lain perusahaan pertukangan tangan.

(iii) **Perusahaan Kulit dan Belulang**

Pada waktu ini, M A R A telah berjaya mengadakan beberapa pusat memproses kulit di Kelantan dan Terengganu. Rancangan seperti ini akan diperkembangkan di beberapa negeri lagi di Malaysia ini. Untuk mendapatkan faedah yang lebih lagi daripada rancangan ini, maka dalam tahun 1967 ini, M A R A akan mendirikan satu kilang menyamak dan membuat barang-barang dari kulit dengan perbelanjaan lebih kurang \$750,000/- . Rancangan ini pada akhirnya akan dipulangkan kepada bumiputera-bumiputera dengan secara membentuk satu syarikat. Sebenarnya, syarikat yang saya maksudkan itu adalah juga sedang diuruskan oleh M A R A pembentukannya.

(iv) **'Unit trust Investment'**

Satu lagi rancangan M A R A mengenai perusahaan dan perdagangan dalam tahun 1967 ialah penubuhan satu *'Unit Trust Investment'* untuk mengelolakan saham-saham yang dibeli oleh M A R A untuk dijualkan kepada Bumiputera. *'Unit Trust Investment'* ini, dengan undang-undang dan aturan yang tersendiri, ialah satu cara yang munasabah dan yang boleh menjamin pesertaan yang berkesan kepada Bumiputera di dalam pembelian dan penjualan saham-saham yang dibeli oleh M A R A mengikut kuasa amanah."

Tuan Pengerusi, dalam bidang latihan pula, Majlis Amanah Rakyat akan menguruskan rancangan-rancangan yang berikut:-

(i) **Maktab M A R A**

Dalam tahun yang lalu kerja-kerja membesarkan Maktab M A R A di Petaling Jaya telah dijalankan dan ini akan siap pada bulan Mac, 1967. Dengan itu seramai tidak kurang daripada 1,200 orang pelajar-pelajar, iaitu lebih kurang dua kali ganda daripada tahun lalu akan dapat diambil belajar di Maktab tersebut dalam tahun ini. Di antara mereka ini termasuklah juga 200 orang yang akan mengikut kursus *'Tre-University'* iaitu satu kursus yang baharu dimulakan dalam tahun ini. Selain daripada itu, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, M A R A juga sedang berusaha mendirikan satu Maktab (Polytechnic) baharu yang besar dan lengkap di Batu Tiga, Jalan Klang. Tanah seluas 100 ekar telahpun dibeli kerananya daripada Kerajaan Selangor dan kerja-kerja pembangunan tapaknya akan dijalankan dalam tahun ini juga. Mengikut rancangan yang telah diatur, sebuah hostel bagi 500 hingga 1,000 orang pelajar akan siap dibina pada awal tahun hadapan; manakala bangunan Maktab itu, di peringkat pertama mengandungi bilik-bilik syarahan, kutub khanah, *'engineering'*, dan sains akan dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1968 kelak.

(ii) **Biasiswa**

Mengenai biasiswa pula, M A R A bercadang mengeluarkan 350 biasiswa kerana berbagai kursus latihan dalam tahun 1967. 210 daripada biasiswa ini ialah untuk kursus-kursus dalam negeri manakala 140 lagi bagi kursus-kursus di luar negeri.

(iii) **Latihan '*Vocational*'**

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam bidang latihan ini juga, Majlis Amanah Rakyat akan menguruskan kursus-kursus latihan '*Vocational*' untuk Bumiputera dalam perusahaan-perusahaan jentera, '*automobile*', pertukangan dan pembinaan, kontrek, letrik dan sebagainya. Seramai lebih kurang 4,000 orang akan diberi latihan-latihan tersebut.

Sesungguhnya Majlis Amanah Rakyat adalah menaruh sepenuh kepercayaan dan keyakinan rancangan-rancangan latihannya ini akan dapat memainkan peranan yang cemerlang dalam usaha untuk memajukan Bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perusahaan di negeri ini.

Perusahaan Bas

Tuan Pengerusi, mengenai perusahaan bas pula, M A R A akan meneruskan usaha-usahanya untuk mengadakan kenderaan bas di jalan-jalan yang baru dibuka oleh Kerajaan, di samping mengembangkan lagi perusahaan-perusahaannya yang sedang dijalankannya sekarang. M A R A juga akan meneruskan tujuannya menubuhkan Syarikat Bas Berhad untuk Bumiputera apabila perjalanan bas ini telah memuaskan. M A R A akan juga memulakan perkhidmatan-perkhidmatan basnya di Sarawak dan Sabah. Selain daripada itu M A R A juga akan membina sebuah woksyp di Dato Keramat, Kuala Lumpur untuk membela bas-bas kepunyaannya dan di samping itu dapat memberi latihan kepada Bumiputera dalam kerja-kerja membaiki kereta dan menguruskan woksyp.

Perkhidmatan Penasihat

Dalam bidang perkhidmatan Penasihat pula, M A R A akan meneruskan usaha-usahanya untuk memberi nasihat dan ajaran-ajaran dalam perkara pentadbiran perusahaan, menyimpan buku kira-kira, pembinaan dan kontrek.

Limbungan M A R A, Kuala Terengganu

Berkenaan limbungan M A R A di Kuala Terengganu itu, dalam tahun ini MARA telah mengambil langkah untuk memperbaiki woksypnya dengan tujuan supaya pembinaan perahu-perahu dan kapal-kapal dapat dijalankan dengan lebih baik dan licin lagi. Baru-baru ini juga seorang pakar pembinaan kapal dari negeri

Jepun telah mula berkhidmat di Limbungan yang tersebut. Di samping itu pula M A R A juga sedang berusaha mendapatkan pegawai-pegawai yang berkelulusan dan berpengalaman untuk bekerja di Limbungan ini serta mencari jalan-jalan bagi mendapatkan lebih banyak lagi tempahan-tempahan membuat perahu dan kapal. Semua usaha-usaha yang dijalankan ini ialah bagi tujuan hendak memajukan perusahaan limbungan di Kuala Terengganu itu.

Rancangan-rancangan yang lain

Tuan Pengerusi, rancangan-rancangan yang lain yang akan diteruskan oleh Majlis Amanah Rakyat dalam tahun iai ialah:-

- (i) Memberikan pinjaman kewangan kepada Bumiputera yang memerlukan bantuan untuk menjalankan perusahaan dan perniagaan mereka;
- (ii) Membekalkan bahan mentah seperti kain putih dan baldi kepada perusahaan-perusahaan Bumiputera;
dan
- (iii) Menguruskan Pusat Jualan bagi pemasaran barang-barang keluaran usaha-usaha Bumiputera.

Tuan Pengerusi, dengan adanya susunan pentadbiran ynag lengkap, keazaman pegawai-pegawainya dan juga kerjasama daripada rakyat sekalian, saya yakin Majlis Amanah Rakyat akan dapat menjayakan segala rancangan-rancangannya yang telah diatur untuk dilaksanakan di dalam tahun ini.

Pecahan Kepala Kecil 3 - Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar - \$3,000,000/-

Di bawah Kepala Kecil 3 Anggaran Perbelanjaan ini sejumlah \$3,000,000/- adalah diperlukan untuk membina dan melaksanakan beberapa rancangan-rancangan kecil pembangunan luar bandar di dalam negeri-negeri di Malaysia Barat. Perbelanjaan ini adalah berkurangan sebanyak \$1,000,000/- daripada perbelanjaan yang telah diluluskan bagi tahun 1966. Seperti mana biasa, rancangan-rancangan ini termasuklah pembinaan jalan-jalan kecil, jambatan kampung dan lain-lain rancangan yang sangat diperlukan oleh rakyat yang duduk di kawasan-kawasan luar bandar terutama mereka-mereka yang duduk di kampung-kampung yang terpencil dan belum dapat merasai nikmat rancangan-rancangan yang lebih besar yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu. Sepertimana yang dijalankan dalam tahun 1966, kebanyakan daripada rancangan-rancangan ini akan dilaksanakan dengan cara bergotong royong oleh penduduk-penduduk luar bandar itu sendiri.

Kepala Kecil 4 - Rancangan Penempatan/Pengumpulan Darurat di negeri-negeri Malaysia Timur - \$1,662,280/-

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala Kecil 4 ini, satu peruntukan sebanyak \$1,622,280/- adalah diperlukan untuk menyudahkan kerja-kerja pembangunan di dalam bidang penempatan dan pengumpulan darurat di negeri-negeri Malaysia Timur. Sungguhpun konfrontasi telah tamat rancangan-rancangan pembangunan bagi kawasan mesti diteruskan dengan tujuan hendak mendapatkan kesan-kesan yang lebih jauh daripada jurusan keselamatan sahaja.

Kepala Kecil 5 - Taman-taman Latihan Wanita Terengganu dan Labuan - \$250,000/-

Di bawah Kepala Kecil 5 satu peruntukan sejumlah \$250,000/- adalah dikehendaki oleh Kementerian saya kerana meneruskan kerja-kerja pembinaan 2 buah Taman-taman Latihan Wanita, iaitu sebuah di Terengganu dan sebuah lagi di Labuan. Kerja-kerja permulaan untuk membina Taman Latihan di Terengganu telah dijalankan dan tapak tanah untuk Taman Latihan di Labuan telah didapati dalam tahun 1966.

Kepala Kecil 6 - Kelas-kelas Pelajaran Dewasa - \$150,000/-

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Kepala Kecil 6 dalam Anggaran ini iaitu satu peruntukan sejumlah \$150,000/- adalah diperlukan dalam tahun 1967 kerana membeli perkakas-perkakas keperluan kelas-kelas pelajaran dewasa seperti kerusi-kerusi, meja, papan hitam dan lain-lain untuk kelas-kelas yang bukan diadakan di bangunan sekolah. Peruntukan ini juga diperlukan kerana mendirikan bangunan-bangunan sementara atau bangsal-bangsal untuk dijadikan kelas-kelas pelajaran dewasa di merata-rata kampung di seluruh Malaysia. Sebagaimana yang telah dijalankan pada tahun-tahun yang lampau, sebahagian besar daripada kerja-kerja ini akan dilaksanakan dengan bergotong royong oleh penduduk-penduduk kampung khasnya peserta-peserta pelajaran dewasa itu sendiri.

Kepala Kecil 7 - Pekan-pekan Sahari - \$50,000/-

Di bawah Kepala Kecil 7 satu peruntukan sebanyak \$50,000/- adalah diperlukan kerana mendirikan Pekan-pekan Sahari. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dengan adanya Pekan-pekan Sahari ini maka dapatlah orang-orang kampung memasarkan bahan-bahan keluaran mereka dengan lebih teratur lagi.

Kepala Kecil 8 - Rancangan Kebun Kelapa Sawit Negeri Terengganu - \$1,000,000/-

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala Kecil 8 ini, satu peruntukan sebanyak \$1,000,000/- ini adalah diperlukan sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana Rancangan Kemajuan Tanah Negeri itu, iaitu Rancangan Kebun Kelapa Sawit yang akan dikelolakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu sendiri. Sayugia juga dimaklumkan iaitu Rancangan Kebun Kelapa Sawit Negeri Terengganu ini akan termasuk di dalam rancangan bantuan pertolongan teknikal daripada Negeri Belanda. Pinjaman sejumlah \$1,000,000/- ini adalah diperlukan untuk menolong Kerajaan Negeri itu menjalankan kerja-kerja bagi memulakan rancangan yang tersebut.

SABAH

Kepala Kecil 21 - Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar - \$500,000/-

SARAWAK

Kepala Kecil 31 - Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar - \$1,600,000/-

Peruntukan di bawah Kepala Kecil 21 dan 31 ini, Tuan Pengerusi, adalah diperlukan kerana melaksanakan lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang akan dijalankan di negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Rancangan-rancangan ini adalah sama seperti lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang akan dijalankan di negeri-negeri di Malaysia Barat seperti yang saya telah terangkan tadi.

Tuan Pengerusi, bagi mengakhiri ucapan saya ini, suka saya menegaskan lagi sekali, iaitu Kerajaan Perikatan dengan perasaan yang penuh keazaman dan disertai dengan daya dan usaha yang bersungguh-sungguh akan terus memperjuang dan melaksanakan dasar dan hasratnya untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar. Usaha-usaha ini akan terus menerus dijalankan dari semasa ke semasa dengan tidak berhenti-henti hingga matlamat Kerajaan itu dapat dicapai.